

Zurich Malaysia memperkenalkan Z-Driver EV Protect dan mengukuhkan infrastruktur EV di Malaysia melalui kolaborasi bersama Gentari

Kuala Lumpur, 18 September 2025 – Zurich Malaysia memperkenalkan Z-Driver EV Protect, pelan perlindungan insurans dan takaful komprehensif yang direka khusus untuk pemilik kenderaan elektrik (EV). Tawaran baharu ini memperluas perlindungan insurans dan takaful kereta dengan melindungi bateri EV, pengecas dinding rumah, aksesori pengecas mudah alih, dan pelbagai lagi. Dengan tambahan premium atau sumbangan serendah RM120*, Z-Driver EV Protect memberikan perlindungan yang disasarkan serta disesuaikan dengan keperluan khusus pemilik EV.

“Pemilik EV berdepan dengan risiko tersendiri yang berbeza daripada perlindungan insurans serta takaful kenderaan bermotor tradisional. Z-Driver EV Protect direka untuk menangani keperluan ini, dengan menawarkan perlindungan praktikal yang selaras dengan corak penggunaan EV masa kini. Tawaran ini adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk menyediakan perlindungan yang lebih relevan, mudah diakses, dan seiring dengan gaya hidup pelanggan yang sentiasa berkembang,” kata Foo Chuen Hou, Ketua Pegawai Pengedaran, Segmen Am Zurich Malaysia.

Manfaat* utama Z-Driver EV Protect termasuk:

- Perlindungan pengecas dinding rumah hingga RM15,000
- Perlindungan liabiliti peribadi semasa menggunakan pengecas hingga RM50,000
- Perlindungan kabel pengecas mudah alih hingga RM2,000
- Elaun ihsan bagi insiden di stesen pengecas awam hingga RM20,000
- Perlindungan tambahan pilihan bagi peril khas, termasuk kerosakan bateri akibat kemasukan air daripada peristiwa yang dilindungi

Manfaat ini melengkapkan perlindungan sedia ada Z-Driver, termasuk perkhidmatan tunda tanpa had sekiranya bateri kehabisan kuasa, sekali gus memberikan keyakinan, ketenangan fikiran dan perlindungan kepada pemandu EV di setiap perjalanan.

Meneruskan komitmen terhadap mobiliti mampan, Zurich Malaysia telah menjalin kerjasama dengan Gentari Green Mobility Sdn Bhd, anak syarikat Gentari Sdn Bhd (Gentari), untuk meningkatkan kesedaran dan keterlihatan infrastruktur pengecasan EV di seluruh negara. Melalui kolaborasi ini, Zurich Malaysia telah memperluas kehadiran jenamanya ke 13 stesen pengecas EV di lokasi tumpuan ramai, termasuk Suria KLCC, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, KLIA2 Gateway, The Gardens Mall, Paradigm Mall Johor Bahru, Gamuda Gardens, Putrajaya Sentral dan lokasi lain.

“Infrastruktur pengecasan yang diyakini memainkan peranan penting dalam menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia beralih kepada mobiliti elektrik. Kolaborasi dengan Gentari bukan sekadar menambah bilangan pengecas, tetapi turut membantu pembangunan ekosistem EV yang lebih terhubung dan dipercayai. Kemampanan perlu bersifat praktikal, mengutamakan pelanggan, serta mudah diakses,” kata Teresa Wong, Ketua Pegawai Risiko – Segmen Am dan Ketua Risiko Kemampanan di Zurich Malaysia.

Aliah Nasreen Abdullah, Ketua Pegawai Pelanggan Gentari Green Mobility, turut menyuarakan pandangan yang sama dengan berkata, “Gentari komited untuk membangunkan ekosistem mobiliti hijau yang kukuh di Malaysia, dan kolaborasi bersama Zurich Malaysia merupakan satu lagi langkah penting ke arah tersebut. Bersama-sama, kami meluaskan ketersediaan pengecas EV dan mempertingkatkan keseluruhan pengalaman pemilikan, menjadikannya lebih mudah, selamat serta boleh diakses oleh pemandu untuk beralih kepada mobiliti bersih.”

Siaran Media

18 September 2025



Kolaborasi bersama Gentari, penyedia penyelesaian tenaga bersih terkemuka, menyokong aspirasi Zurich Malaysia untuk membina masa hadapan yang lebih mampan dengan menangani salah satu halangan utama dalam penerimaan EV, iaitu menyediakan infrastruktur pengecasan yang mudah dan diyakini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Z-Driver EV Protect atau untuk menambahkannya ke dalam pelan insurans atau takaful kenderaan anda, sila layari

[zurich.com.my/insurance-products/protection/for-my-vehicle/z-driver](https://www.zurich.com.my/insurance-products/protection/for-my-vehicle/z-driver) atau [zurich.com.my/takaful-products/protection/for-my-vehicle/z-driver-takaful](https://www.zurich.com.my/takaful-products/protection/for-my-vehicle/z-driver-takaful).

Untuk maklumat tambahan mengenai stesen pengecas Zurich Malaysia dan lokasi pemasangannya, sila layari

<https://www.zurich.com.my/about-zurich/corporate-responsibility/ev-charging-stations>.

*Tertakluk pada terma dan syarat.

###

Nota kepada editor:

About Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari <http://www.zurich.com.my>.

Mengenai Gentari

Gentari menyediakan penyelesaian yang memacu penggunaan tenaga bersih hari ini, agar kita dapat mengubah kehidupan pada masa hadapan. Tiga teras utamanya - Tenaga Boleh Diperbaharui, Hidrogen, dan Mobiliti Hijau - membentuk satu portfolio komprehensif untuk menyokong pelanggan dalam usaha penyahkarbonan mereka. Misi Gentari adalah menjadi peneraju tenaga boleh diperbaharui berskala komersial dan industri (C&I) serta utiliti, pengeluar hidrogen berskala besar dan rakan industri pilihan, serta penyedia penyelesaian mobiliti hijau terkemuka di rantau Asia Pasifik. Dalam jangka panjang, Gentari berhasrat menjadi rakan penyelesaian tenaga bersih yang paling dihargai, dengan mencipta impak yang lebih mendalam, menghubungkan perniagaan, dan memacu peralihan menuju masa depan sifar bersih.

Gentari Go ialah sebuah platform tenaga bersih yang menawarkan pengalaman gaya hidup mampan secara bersepadu kepada pelanggan, dengan membolehkan aliran tenaga bersih daripada kediaman hingga ke mobiliti. Aplikasi Gentari Go kini tersedia melalui Apple App Store dan Google Play Store di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Gentari Go, sila layari <https://www.gentari.com/go/> atau hubungi talian khidmat pelanggan kami di +60 12-818 1121.